

**MENJUNJUNG TITAH MEMBANGUN BANGSA  
(CABARAN PEMBANGUNAN BANGSA)**

**UCAPAN DASAR  
OLEH PRESIDEN PARTI PEMBANGUNAN BANGSA (NDP)  
PADA KONGRES AGUNG TAHUNAN KE-3, TANGGAL 22 JUN 2008  
DI INTERNATIONAL CONVENTION CENTER (ICC), BERAKAS  
BANDAR SERI BEGAWAN**

BISMILLAHHIRRAHMANNIRRAHIM

Assalamualaikum WRB dan Salam Sejahtera.

DIPANJATKAN segala puji dan kesyukuran kepada Allah SWT, Tuhan semesta alam. Salam dan Salawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW yang melaluinya diturunkan rahmat kepada sekalian alam.

Yang Dihormati Tuan Pengerusi Tetap,

Saudara Timbalan Presiden,

Ahli-Ahli Majlis Tertinggi,

Para tetamu, para perwakilan, para pemerhati dan seluruh anggota NDP.

Saya mengalu-alukan kehadiran saudara-saudari sekalian, Ahlan wa sahlán.

Terlebih dahulu marilah kita bersyukur ke hadrat Allah SWT yang dengan izinNya memberi kita kesempatan untuk berhimpun pada hari ini bagi menyempurnakan Kongres Agung Tahunan Ke-3 Parti Pembangunan Bangsa (NDP).

Saya berpesan kepada diri saya dan kepada seluruh ahli parti supaya meningkatkan ketaatan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dan taat kepada Junjungan Rasulullah SAW. Kepada anggota yang bukan Islam pula, berpeganglah kepada nilai-nilai murni dan kepercayaan agama masing-masing.

**Saudara saudari sekalian,**

Kongres Agung Tahunan parti kita ini adalah wadah bagi kita membaharui ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi dan kecintaan yang setulusnya Kehadapan Majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di Pertuan dan Ulil Amri bagi Negara Brunei Darussalam.

Kongres ini juga adalah wadah bagi kita membaharui ikrar yang dimaktubkan di dalam Perlembagaan Parti iaitu untuk menyokong dan membantu Baginda dan Kerajaan Baginda.

Kongres ini juga turut mengingatkan kita akan komitmen bahawa kita berpolitik untuk berdakwah dan berdakwah melalui parti politik. Oleh yang demikian tidak terlintas dalam hati kita walau sebesar zarah sekalipun sebarang cita-cita untuk menumbangkan kerajaan apatah lagi berangan-angan untuk menjadi kerajaan menunggu.

Kita adalah penyokong dan pendokong Kebawah DYMM yang setia, istiqamah dan penuh iltizam untuk membawa Negara Brunei Darussalam ke matlamat negara aman makmur dan mendapat keampunan Allah SWT.

**Saudara saudari sekalian,**

Kongres ini menandakan kita telah melangkah setahun lagi ke hadapan, bersama-sama pengalaman baru yang menjadikan kita lebih bijaksana dan matang dalam mengemudi perjuangan NDP. Harapan saya ialah dengan pengalaman, kebijaksanaan dan kematangan ini, kita menjadi rakyat yang lebih komited, insaf dengan amanah dan tanggungjawab yang dipikul, dan sedar dengan segala bentuk cabaran dan kekangan dalam fitrah perjuangan.

Dalam hubungan ini, saya berharap para perwakilan akan menggunakan kesempatan kongres ini bagi membahas dan mengajukan pandangan yang bernas, relevan dan bertanggungjawab. Janganlah hendaknya kesempatan ini kita jadikan pelantar bagi melepaskan geram dan dendam yang boleh menyinggung perasaan pihak-pihak yang kurang kita senangi. Agama dan budaya kita menuntut supaya sentiasa memelihara adab dan tata-susila.

**Saudara saudari sekalian,**

## **REFORMASI POLITIK**

Kebawah DYMM dalam titah sempena hari keputeraan Baginda yang ke-58 pada 27 Jamadilawal 1425 bersamaan 15 Julai 2004, menggariskan langkah-langkah untuk meningkatkan peluang dan penglibatan rakyat yang lebih formal ke arah memberi sumbangan membina kepada kemajuan negara. Kita melihat ini sebagai satu tanda dan isyarat bahawa Brunei akan melalui era perubahan politik ke arah pelaksanaan konsep syura seperti yang dituntut oleh Islam dengan lebih meluas dan berkesan.

Sebenarnya hasrat Kebawah DYMM untuk memperkenalkan pembaharuan politik ini telah dihebahkan seawal 1994 lagi, iaitu pada titah sambutan sempena ulang tahun ke-10 kemerdekaan negara pada 23 Februari 1994. Sebagai kelangsungan daripada hasrat tersebut, Baginda telah memperkenankan pembukaan semula Majlis Mesyuarat Negara pada 25 September 2004.

### **Majlis Mesyuarat Negara**

Pengisytiharan pembukaan semula Majlis Mesyuarat Negara itu hendaklah diterima sebagai satu kurniaan anugeraha daripada Kebawah DYMM kepada seluruh rakyat Brunei Darussalam. Maka bagaimana pula adatnya kita merafak sembah dan menjunjung kasih di atas anugeraha itu?

Pada hemat saya, kita sebagai rakyat Kebawah DYMM hendaklah bersungguh-sungguh berusaha untuk merealisasikan apa yang dihasratkan oleh Baginda. Kita tidak boleh hilang tumpuan dan arah disebabkan wujudnya agenda-agenda halangan yang hadir dihadapan kita.

### **Pindaan Perlembagaan**

Pembukaan semula Majlis Mesyuarat Negara tersebut telah membuka jalan kepada pelaksanaan pembaharuan politik dalam erti kata yang sebenarnya, iaitu pindaan perlembagaan negara 1959. Pindaan tersebut telah dilulus dan diperkenankan oleh Kebawah DYMM pada 29 September 2004.

Dengan pindaan tersebut, tidak ada lagi halangan undang-undang yang menyekat kerajaan daripada melaksanakan pilihanraya untuk memilih wakil rakyat secara langsung ke dalam Majlis Mesyuarat Negara. Jelasnya, pindaan tersebut adalah halangan terakhir yang telah diangkat oleh Kebawah DYMM bagi membuka jalan pembaharuan politik sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, dalam tempoh tiga tahun yang berlalu, kita melihat seolah-olah proses reformasi politik yang kita harapkan itu berlaku dengan begitu perlahan sekali. Kemelut ini mungkin berpunca daripada sikap rakyat yang pasif dan keberatan untuk terlibat secara aktif dalam pergerakan politik setelah 40 tahun mengalami *political vaccum*. Mereka mungkin saja terpengaruh dengan persepsi sesetengah kalangan yang berpandangan serong terhadap sebarang pergerakan politik.

Justeru itu, semua paksi utama pembangunan negara, hendaklah membebaskan kekangan pemikiran yang tidak membina itu, sebaliknya bersatu di bawah satu azam untuk membantu Kebawah DYMM merealisasikan cita-cita murni Baginda untuk membawa Brunei ke arah pembaharuan dan pemodenan politik yang sesuai dengan sosio-budaya kita.

Dengan taraf kehidupan dan pendapatan per kapita antara yang tertinggi di Asia, beserta taraf pendidikan antara yang tertinggi di kalangan negara membangun, sewajarnya rakyat negara ini juga memiliki tahap kesedaran politik yang tinggi. Ini adalah kelaziman dalam mana-mana masyarakat moden.

**Saudara saudari sekalian,**

### **Rakyat Bersedia Untuk Perubahan**

Pada hemat kita, melalui interaksi NDP dengan rakyat di peringkat akar umbi, beranilah kita membuat kesimpulan bahawa sebahagian besar rakyat ingin melihat wujudnya pembaharuan politik dinegara kita ini. Akan tetapi, disebabkan persekitaran politik yang tidak kondusif, maka itu rakyat tidak bersedia untuk menyatakan hasrat dan aspirasi mereka secara terbuka.

Adalah menjadi tugas kita sebagai sebuah pergerakan politik untuk menjadi penyambung lidah mereka, menjadi pelantar dan wadah untuk menyalurkan suara dan aspirasi rakyat. Untuk melangsungkan tugas itu, adalah menjadi harapan kita agar NDP tidak dilihat sebagai saingan oleh mana-mana pihak, dan apa jua isu yang kita angkat dan ketengahkan demi

kepentingan rakyat tidak ditafsir sebagai mencabar kewibawaan atau cubaan mendahului pihak-pihak yang lain.

Dalam konteks yang lain, untuk menjadi wadah rakyat yang berkesan, kita hendaklah menjadi pendengar yang baik, membuka seluas-luasnya ruang dialog dengan ahli dan bukan ahli dan mendengar segala cadangan, pandangan dan rintihan mereka dengan dada yang lapang dan fikiran terbuka, dan membantu mengangkat dan menyelesaikan apa jua masalah mereka bersama pihak-pihak yang berkenaan.

Demi memahami masalah rakyat, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk pergi kepada rakyat, dan bukannya menunggu rakyat datang kepada kita. Ini bukan satu tugas yang mudah. Ini bukan tanggungjawab bagi orang yang berjiwa kecil atau bersikap seperti tanggung-tanggung elang, kalau berat dilepaskan. Apatah lagi ketika mana kita berhadapan dengan berbagai tanjakan dan kekangan.

**Saudara saudari sekalian,**

### **IKTIBAR**

Suka saya menarik perhatian saudara saudari sekalian kepada perkembangan di Nepal dan Bhutan. Kedua-dua negara di pergunungan Himalaya ini tidaklah semaju kita dari segi pendapatan per kapita mahu pun kadar celik huruf. Nepal misalnya, mempunyai kadar celik huruf yang rendah iaitu 48.6% sahaja dengan pendapatan per kapita serendah BND 1485. Bhutan pula memiliki kadar celik serendah 47% sahaja dan pendapatan per kapita cuma BND 1890. Perangkaan ini jauh sekali berbeza jika dibandingkan dengan negara kita. Kadar celik huruf di Brunei adalah tinggi iaitu 92.7% sementara pendapatan per kapita hampir BND 48,000.

Namun begitu, asakan demokrasi model barat yang dibawa bersama oleh gelombang globalisasi tidak memberi pilihan kepada kedua-dua negara tersebut melainkan menerima dan pasrah dengan tuntutan perubahan politik yang direncanakan oleh barat. Di Nepal, perubahan politik telah dicetuskan oleh desakan rakyat kerana mereka merasakan sistem pemerintahan yang diamalkan membawa bebanan dan kesulitan kepada rakyatnya. Pilihanraya umum Nepal yang diadakan pada 10 April 2008 baru lalu telah membuka laluan kepada berakhirnya sistem pemerintahan monarki di negara tersebut.

Sementara di Bhutan pula, Raja sebagai pemerintah mutlak, telah mempelopori perubahan politik dalam negara itu tanpa desakan rakyat seperti yang berlaku di Nepal. Sebaliknya, Baginda dengan penuh sedar terhadap aspirasi rakyat telah mengisytiharkan pada tahun 2005, rancangan untuk memperkenalkan demokrasi. Dalam tempoh tiga tahun sahaja, pilihanraya umum pertama telah diadakan iaitu pada 24 Mac 2008.

Peristiwa yang berlaku di Bhutan itu pada saya, adalah persis dengan perubahan yang berlaku di negara kita. Maksudnya, perubahan tersebut adalah cetusan dan tajaan Raja selaku pemerintah negara dan diterima baik oleh seluruh rakyat jelata. Bezanya mungkin pada cepat dan lambatnya proses perubahan itu mengambil tempatnya.

Saudara saudari sekalian,

#### **WAWASAN 2035 & PEMBAHARUAN POLITIK**

Saya juga ingin mengaitkan persoalan reformasi politik dengan Perencanaan Kemajuan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam. Perencanaan Kemajuan tersebut merangkumi Wawasan Brunei 2035, Rangka Strategi Dan Dasar Bagi Pembangunan (OSPD) 2007-2017 dan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007-2012.

Di dalam Buku Perancangan Kemajuan tersebut, terdapat tiga tempat di mana isu kestabilan politik dirujuk. Pertama, di bawah rumusan harapan utama rakyat, dikatakan hasil beberapa konsultasi dengan beberapa lapisan masyarakat, harapan utama rakyat Brunei ialah *"untuk mengekalkan kestabilan politik yang dinikmati oleh Negara Brunei Darussalam"*. Kedua, salah satu teras pembangunan yang digubal ialah untuk *"mempercepatkan pembangunan sosial dan mempertahankan kestabilan politik"* Ketiga, di bawah Strategi Keselamatan digalurkan pula strategi *"untuk memelihara kestabilan politik dan kedaulatan negara"*.

Walaupun kedua-dua teras pembangunan dan strategi keselamatan menyebut persoalan kestabilan politik, namun dalam huraian lanjutnya tidak sedikit pun disentuh mengenai pembaharuan politik. Kestabilan politik yang dimaksudkan dalam dokumen ini mempunyai pengertian dan maksud yang berbeza sama sekali dengan yang kita fahami. Jika dihalusi dari makna yang tersirat, petikan-petikan tersebut sebenarnya membawa pemahaman dan

kecenderungan yang memberi impak negatif kepada proses pembaharuan politik tanahair yang dicetuskan oleh Kebawah DYMM.

Tanggapan tersebut bertentangan sama sekali dengan isyarat yang kita terima berdasarkan titah sambutan keputeraan Kebawah DYMM yang saya sebutkan sebelum ini. Nampaknya apa yang cuba disogokkan kepada rakyat ialah Brunei kini sudah pun mencapai kestabilan politik. Kenyataan ini seperti membawa maksud bahawa *status quo establishment* kini wajar dikekalkan, justeru itu penglibatan rakyat yang aktif dan bermakna dalam proses politik adalah tidak perlu.

Jika kenyataan ini menjadi pegangan negara dan perencanaan pembangunan diolah mengikut acuan pegangan tersebut, maka menjelang 2035 kita akan terus berada dalam satu *political vacuum*. Kalau inilah senarionya, apa ertinya segala langkah pembaharuan yang telah dibuat, khususnya pindaan perlembagaan 29 September 2004 dan pemulihan Majlis Mesyuarat Negara tersebut?

Apakah kita masih mempunyai ruang dan cara untuk memperbetulkan jajaran dengan harapan reformasi politik diterima sebagai sebahagian dari komponen yang akan memacu kejayaan Wawasan 2035?

Oleh yang demikian, saya mengajak saudara-saudari sekalian untuk menghalusi persoalan ini dan kita tangani dengan penuh hikmah dan berhemah.

**Saudara saudari sekalian,**

## **EKONOMI**

Berdasarkan fakta di dalam Buku Perencanaan Kemajuan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam, walaupun usaha-usaha pembangunan telah dilaksanakan sejak lebih 20 tahun yang lalu melalui lapan Rancangan Kemajuan Negara, namun kemajuan dalam mengembangkan industri selain minyak dan gas masih rendah. Negara masih terlalu bergantung kepada hasil minyak dan gas, dan ini menyebabkan Brunei sentiasa terdedah kepada pelbagai kemungkinan dan ancaman kekurangan rizab minyak dan gas, serta ketidakstabilan pasaran dunia yang boleh menggugat kestabilan dan kemakmuran negara;

## **Kuota 50 Peratus Untuk Melayu**

Dalam pada itu, masyarakat Melayu selaku bangsa pewaris masih jauh ketinggalan dalam bidang industri dan perniagaan. Banyak usaha telah dibuat untuk menjadikan masyarakat Melayu sebagai pemimpin dalam bidang tersebut tetapi hasilnya kurang memberangsangkan. **Bagi menjamin kedudukan ekonomi bangsa Melayu dimasa depan, kerajaan hendaklah mengambil langkah untuk menetapkan kuota sebanyak 50 peratus dikhaskan kepada orang Melayu daripada sebarang peluang di bawah RKN untuk mereka.**

Keperluan ini menjadi lebih kritikal untuk memastikan bangsa Melayu tidak terus tercicir dari segi ekonomi apabila negara mencapai status sepuluh negara teratas di dunia menjelang pencapaian Wawasan 2035. Ini menuntut kepada usaha yang lebih serius dan perancangan yang bersepadu.

Meskipun pendapatan per kapita KDNK adalah hampir BND 48,000 dan berada di kalangan tertinggi di dunia, akan tetapi rencana kemajuan yang komprehensif masih diperlukan. Kerajaan perlu mengambil langkah-langkah proaktif bagi membantu rakyat dan penduduk demi menghadapi cabaran dunia moden dan membina keyakinan terhadap masa hadapan keluarga dan masyarakat seluruhnya.

**Saudara saudari sekalian,**

## **SISTEM PENYAMPAIAN (DELIVERY SYSTEM)**

Kecekapan sistem penyampaian mempunyai impak yang besar dan langsung terhadap keupayaan pelaksanaan dasar-dasar dan projek kemajuan negara. Kita mungkin mampu menggubal dan merancang dasar dan projek pembangunan yang kelihatan rapi. Namun ini tidak akan memberi makna sekiranya agensi pelaksana tidak mampu menterjemahkannya kepada pencapaian sebenar. Ini bermakna perkhidmatan awam dan sistem penyampaian yang cekap adalah prasyarat utama kepada kejayaan perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Jika diteliti daripada titah-titah Kebawah DYMM sejak tahun 2000 lagi, persoalan pemantapan perkhidmatan awam telah dibangkitkan saban tahun. Di antara penambahbaikan yang diperkenalkan melalui titah-titah tersebut bolehlah saya ringkaskan seperti berikut:

TAHUN	PENAMBAHBAIKAN YANG DIPERKENALKAN
2000	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke-21.</li> </ul>
2001	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperkenalkan e-government dalam usaha mewujudkan perkhidmatan yang lebih customer-focused.</li> </ul>
2002	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tekad Pemedulian Orang Ramai.</li> <li>• Manual Prosedur Kerja.</li> <li>• Rukun Akhlak Dan Etika Kerja.</li> <li>• Pengenalan dan Penggunaan ICT.</li> </ul>
2003	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengauditan dan Pemantauan Tekad Pemedulian Orang Ramai.</li> <li>• Perancangan Strategi Organisasi.</li> </ul>
2006	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memudahkan pembangunan. termasuk juga pelaksanaan dasar-dasar berkaitan.</li> <li>• Menilai dan mempertingkatkan tahap koordinasi.</li> </ul>

Semua penambahbaikan yang diperkenalkan ini adalah untuk memastikan perkhidmatan awam di negara kita benar-benar cekap dan berkesan dan mampu melaksanakan segala dasar dan perancangan yang dibuat oleh kerajaan.

### **Prestasi Perlaksanaan Kemajuan**

Dalam konteks yang lebih fokus, adakah perkhidmatan awam dan sistem penyampaian yang sedia ada ini benar-benar memenuhi sasaran dan jangkaan yang diharapkan. Saudara-saudari boleh menilai secara objektif perkara ini melalui statistik yang akan saya sebutkan :

**RKN 8 (2001 - 2005)**

<b>Sektor</b>	<b>Peruntukan</b>	<b>Perbelanjaan</b>
Perindustrian dan Perdagangan	1,074 juta	121 juta (11 %)
Pengangkutan dan Perhubungan	838 juta	467 juta (56 %)
Perkhidmatan Sosial	2 bilion	380 juta (19 %)
Penggunaan Awam	1,172 juta	488 juta (41 %)
Bangunan Awam	632 juta	169 juta (27 %)
ICT	1,119 juta	96 juta (9 %)
Keselamatan	350 juta	100 juta (29 %)
Rampaian	143 juta	24 juta (17 %)

**RKN 8 (2001 - 2005)**

<b>Sektor</b>	<b>Projek Dirancang</b>	<b>Projek Siap</b>
Perindustrian dan Perdagangan	80	19 (25 %)
Pengangkutan dan Perhubungan	139	89 (64 %)
Perkhidmatan Sosial	319	92 (28.8 %)
Perumahan Negara	146 (9,000 unit)	33 (969 unit siap) (10.8 %)
Penggunaan Awam	103	30 (30 %)
Bangunan Awam	83	35 (42 %)
ICT	27	0 (0 %)
Keselamatan	15	6 (40 %)
Rampaian	41	12 (29 %)

Untuk mendapatkan gambaran menyeluruh bagi empat siri RKN yang lalu (1986 – 2005), saya memetik penilaian yang dibuat oleh Badan Perencana Kemajuan Jangka Panjang. Bagi tempoh tersebut, objektif pembangunan adalah seperti berikut:

- (i) Memperbaiki kualiti kehidupan rakyat
- (ii) Memaximumkan penggunaan sumber negara
- (iii) Mempermajukan perusahaan bukan minyak
- (iv) Mempercepatkan kemajuan sumber manusia
- (v) Mempertahankan gunatenaga penuh
- (vi) Mempertahankan inflasi pada kadar rendah
- (vii) Memupuk masyarakat yang berdisiplin
- (viii) Menggalak rakyat Melayu menjadi pemimpin dalam bidang industri
- (ix) Alam sekitar yang bersih dan sihat

**Objektif** memperbaiki kehidupan rakyat, mempertahankan inflasi pada kadar rendah dan alam sekitar yang bersih dikatakan memperolehi pencapaian ketara.

**Objektif** penggunaan sumber negara, kemajuan sumber manusia dan gunatenaga penuh, dikatakan memperolehi pencapaian sederhana.

**Objektif** memajukan perusahaan bukan minyak, memupuk masyarakat yang berdisiplin, memajukan rakyat Melayu dalam industri memperolehi pencapaian rendah.

### **Perbelanjaan & Pertumbuhan Ekonomi**

Paparan statistik dan penilaian yang saya sebutkan sebentar tadi, memperlihatkan satu tahap prestasi yang membimbangkan. Kita percaya bahawa melalui dasar fiskal dan perbelanjaan kerajaan, pertumbuhan ekonomi dapat dirangsang. Tetapi jika sekiranya sebahagian besar projek-projek yang dirancang gagal dilaksanakan dan berlaku kurang belanja (*shortfall*) yang tinggi, pertumbuhan ekonomi akan turut terjejas.

Ketidakupayaan untuk berbelanja merupakan satu simptom kepada sistem pengurusan yang tidak cekap. Lazimnya di kebanyakan negara mereka bergelut dengan masalah tidak cukup peruntukan untuk dibelanjakan. Anehnya, di Brunei pula kita bergelut dengan isu ketidakupayaan untuk membelanjakan peruntukan yang disediakan.

Dari satu aspek lagi, lazimnya pihak swasta hanya akan turut berbelanja sekiranya kerajaan mengambil langkah awal memulakan perbelanjaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi. Sebaliknya apabila berlaku kurang belanja yang tinggi oleh pihak kerajaan, pihak swasta akan

teragak-agak untuk melakukan pelaburan. Ini akan memberikan impak negatif yang berganda kepada pertumbuhan ekonomi.

Gambaran ini memberi kita isyarat yang jelas bahawa mutu perkhidmatan awam dan sistem penyampaian hendaklah sentiasa mantap dan dikemaskini. Kita perlu kepada satu perubahan sikap dan anjakan paradigma yang nyata untuk memastikan perkhidmatan awam benar-benar cekap dan berkesan.

### **Pemantauan Projek**

Satu lagi aspek yang ingin saya tekankan ialah pemantauan projek. Saya percaya sebahagian besar projek-projek yang gagal dilaksanakan atau terbengkalai adalah disebabkan ketiadaan sistem pemantauan projek yang berkesan. **Di sini izinkan saya mencadangkan kepada kerajaan supaya membentuk sebuah Badan Pemantauan yang mempunyai kuasa pemutus, "over riding power" merentasi semua agensi pelaksana, jika sekiranya badan yang dimaksudkan ini belum diwujudkan lagi. Andainya Badan Pemantauan ini telah sedia wujud, maka adalah dicadangkan supaya Badan ini diperkasakan dengan kuasa-kuasa yang lebih besar lagi. Izinkan saya di sini mencadang agar Jawatankuasa Pemantau ini diwujudkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.**

Semua projek pembangunan dalam pelaksanaan hendaklah dikategorikan sebagai projek yang mengikut jadual, lewat jadual atau *projek sakit*. Mana-mana projek yang melampaui 30 peratus kelewatan jadual hendaklah dikategorikan sebagai *projek sakit*. Semua projek yang dikategorikan sebagai *projek sakit* hendaklah serta-merta diambil alih pengurusannya oleh Badan Pemantauan. **Melalui pendekatan ini, kerajaan boleh merangka satu *rating system* untuk menggred prestasi setiap agensi pelaksana. Agensi-agensi yang mendapat gred yang rendah hendaklah melalui proses penambakan. Antara langkah-langkah yang disyorkan ialah:**

- Pertama: Pengauditan pengurusan dan kajian semula untuk mengenalpasti kelemahan sebenar
- Kedua: Latihan semula kakitangan khususnya dalam perancangan dan pelaksanaan projek
- Ketiga: Penstrukturan semula organisasi

Saudara-saudari sekalian,

## **FALSAFAH MELAYU ISLAM BERAJA (MIB)**

MIB sebagai falsafah negara, tidak memadai untuk hanya disebut-sebut atau di “wiridkan” tanpa pengisian yang benar-benar bermakna. Maksud saya di sini ialah segala intipati dari ketiga-tiga elemen serangkai itu hendaklah kita terjemahkan ke dalam semua bentuk tingkah laku dan pemerintahan negara. Dalam erti kata lain, kita hendaklah dapat merasai bahawa elemen-elemen tersebut hadir dalam semua aspek kenegaraan.

Saya bangkitkan ini kerana saya dapati bahawa dalam Perencanaan Kemajuan Negara Jangka Panjang, falsafah MIB ini seolah-olah terpinggir. Jika diteliti pada semua rancangan kemajuan yang dirangka, konsep MIB itu tidak terserlah dengan nyata. Apa yang kita maksudkan di sini ialah, setiap rancangan kemajuan yang dirangka, selain untuk mencapai objektif pembangunan, hendaklah juga mampu memperkasakan MIB.

Kita mesti ingat bahawa falsafah MIB adalah unik bagi negara Brunei sahaja. Kalau falsafah ini kita abaikan dan tidak diterjemahkan ke dalam semua program pembangunan yang dirancang, maka keunikan itu akan hilang. Ini bermakna status Brunei sebagai negara Melayu, negara Islam dan negara Beraja tidak ada bezanya dengan negara-negara sekular yang lain. Sebab itulah kita tekankan bahawa kita tidak mahu projek-projek kemajuan yang dirancang memperlihatkan orientasi sekularisme. Akan tetapi sebaliknya hendaklah memaparkan keutuhan dan penghayatan MIB yang jelas.

Dari perspektif **MELAYU**, apa jua perancangan kemajuan yang dibuat hendaklah mengambil kira akan objektif untuk memelihara dan mengekal identiti Melayu sebagai rupa bangsa Brunei dan juga mengekalkan nilai-nilai, budaya dan tamadun Melayu. Kita mahu Melayu menjadi satu bangsa yang agung bertaraf kelas pertama dunia yang mampu mencapai satu tahap kemajuan yang boleh menjadi contoh Negara-negara maju yang lain. Selaras dengan ini kita hendaklah memastikan bangsa Melayu menguasai tidak kurang dari 50 peratus daripada kekayaan dan kemajuan Negara, dengan itu kita akan dapat melonjakkan Negara yang di wawaskan.

Walaupun di bawah RKN 2007-2012 begitu banyak projek pembangunan yang disenaraikan, akan tetapi kita tidak boleh tentukan berapa peratuskah daripada projek-projek tersebut yang akan diagihkan kepada peniaga/ pengusaha/pembekal/kontraktor-kontraktor Melayu.

Suka saya mengambil kesempatan di sini menyarankan supaya dalam gagasan menuju Wawasan 2035, kerajaan **merangka strategi untuk melahirkan golongan usahawan dan hartawan Melayu** supaya kedudukan bangsa Melayu di dalam negara ini mendapat pengiktirafan dan penghormatan yang sewajarnya sebagai tuan dibuminya sendiri. Dengan perencanaan projek-projek yang begitu besar menjelang Wawasan 2035 itu, saya percaya matlamat ini boleh dicapai selama mana kita serius mengusahakannya.

Dari persektif **ISLAM**, apa yang kita hasratkan ialah, Brunei mestilah membangun dengan menepati segala tuntutan Islam dengan sepenuhnya. Ini penting untuk kita memperlihatkan kepada dunia apakah ertinya konsep sebuah negara Islam dan bagaimana kemajuan dan kejayaan dicapai mengikut acuan Islam.

Dari perspektif **BERAJA**, hasrat kita ialah untuk menolak sebarang tanggapan negatif bahawa mana-mana negara yang mengamalkan sistem seperti negara kita ini tidak berupaya mencapai tahap kemajuan yang tinggi. Sebenarnya sistem pemerintahan beraja ini adalah warisan daripada tradisi dan tamadun Melayu yang agung. Justeru kita mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memastikan tradisi dan tamadun ini bukan sahaja terpelihara tetapi relevan dan selari dengan tahap kemajuan Negara dan dunia pada amnya.

Oleh itu untuk memastikan MIB kekal relevan, falsafah tersebut hendaklah diterapkan ke dalam seluruh kehidupan kita bernegara dengan penuh kesedaran termasuklah dalam semua perencanaan kemajuan negara.

Ke arah itu, NDP sekali lagi menegaskan betapa perlunya falsafah MIB itu diinstitusikan melalui penubuhan sebuah badan yang berwibawa setara dengan sebuah kementerian, dan diperkasakan dengan peruntukan undang-undang bagi memelihara dan menegakkannya.

Saudara-saudari sekalian,

## KEMAJUAN SEIMBANG

Mulai 2007, semua Rancangan Kemajuan Negara (RKN) adalah berasaskan kepada Rangka Strategi Dan Dasar Bagi Pembangunan (OSPD). OSPD pertama menjangkau sehingga ke tahun 2017 dan akan dituruti dengan OSPD kedua dan seterusnya yang ketiga ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035. Mengikut dokumen rasmi kerajaan, Wawasan Brunei 2035 adalah untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia dengan:

- Pertama: Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya;
- Kedua: Kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi; dan
- Ketiga: Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan

Sealaras dengan OSPD pertama, projek-projek di bawah RKN9 dikenalpasti dan dirancang berasaskan kepada strategi dan halatuju yang ditetapkan. Kita tidak mempunyai masalah mengenai projek-projek yang dirancang untuk dilaksanakan selama mana projek-projek itu benar-benar bermanfaat kepada rakyat seluruhnya. Akan tetapi yang kita musykilkan ialah keupayaan agensi-agensi pelaksana untuk melaksanakan projek-projek itu mengikut jadual yang ditetapkan. Hal ini ada kaitan dengan keupayaan sistem penyampaian yang saya sebutkan sebelum ini.

### Pembangunan Insaniah

Walau bagaimanapun, terdapat satu persoalan penting yang sentiasa bermain dalam pemikiran kita. Soal ini ialah bahawa kita tidak nampak wujudnya rangka strategi dan dasar bagi pembangunan kerohanian untuk memastikan hasrat Wawasan 2035 itu dicapai dalam artikata yang sebenarnya. Kalau kita sanggup bertungkus-lumus mengenalpasti dan merancang projek-projek yang bersifat fizikal dengan begitu teliti dan berdedikasi, kita tentunya mempunyai kemampuan dan kebijaksanaan yang sama untuk mengenalpasti dan merancang projek-projek yang menyumbang kepada pembangunan insaniah dan kerohanian.

Sebagai sebuah negara Islam dan bukannya sebuah negara sekular, tentulah kita bercita-cita untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini sebagai sebuah negara **Baldatun Thayyibatun Wa Rabbun Ghafuur**, iaitu negara yang baik lagi mendapat keampunan Tuhan. Oleh itu dalam apa jua tindakan yang kita ambil kita mestilah berpegang

kepada teras pemerintahan Islam iaitu **al-'Adl wa al-Musawwah**, yakni keadilan dan kesaksamaan.

Keadilan dan kesaksamaan yang kita maksudkan dalam konteks ini boleh diterapkan dalam dua aspek iaitu pengenalpastian projek dan pelaksanaannya. Ini bermakna projek-projek yang dikenalpasti mestilah memenuhi keperluan rakyat, bukannya yang bersifat menunjukkan kemewahan lagi membazir.

Bagi menepati prinsip keadilan dan kesaksamaan, apa jua projek, tender dan kontrak hendaklah diagih dan ditawarkan kepada mereka yang layak dan berhak tanpa sebarang pilih kasih bagi memastikan tidak ada unsur kronisme, nepotisme dan penyelewengan. Sementara dari aspek pelaksanaannya pula, ianya juga mestilah telus, terbuka dan tidak hanya memanfaatkan pihak-pihak tertentu sahaja.

Saya menekankan bahawa pengenalpastian dan perancangan projek-projek yang bersifat kerohanian itu adalah penting bersandarkan kepada maksud sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a.

Maksud hadis tersebut ialah :

*"Bukannya yang dinamakan kaya itu kerana banyaknya harta, tetapi yang dinamakan kaya yang sebenarnya ialah kayanya jiwa."*

Jelasnya kejayaan sesebuah negara amat bergantung kepada akhlak rakyatnya. Apa ertinya rakyat yang mempunyai tahap pendidikan dan kualiti hidup yang tinggi dan harta yang banyak, jika maruah dan harga diri mereka rendah, berakhlak buruk dan, terhakis jatidiri mereka sebagai bangsa Melayu dan umat Islam, berputih mata ketika mana nilai-nilai kebangsaannya dicabuli.

Kita tidak mahu rakyat negara ini menjadi seperti di negara-negara maju yang lain yang mencapai status kemajuan yang begitu tinggi tetapi moral dan akhlak masyarakatnya runtuh, penghayatan dan jatidiri bernegara semakin terhakis. Kita hendaklah mengambil iktibar dan menjadikan yang baik itu teladan dan yang buruk itu sempadan.

Selaras dengan ini, saya menyeru kepada kerajaan supaya mengkaji semula Perencanaan Kemajuan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam ini. Langkah ini adalah perlu bagi membuka ruang untuk memikirkan dan merangka semula strategi dan dasar bagi pembangunan insaniah dan kerohanian yang bersepadu dengan rencana kemajuan fizikal yang telah dirancang. Di samping itu, tahap penglibatan rakyat dalam halatuju negara ke arah Wawasan 2035 hendaklah dipertingkatkan dalam semua peringkat.

Hasrat kita ialah supaya kedua-dua elemen pembangunan ini berjalan serentak dalam usaha mengukuhkan matlamat Wawasan 2035. Saya rasa kita masih belum terlambat untuk berbuat demikian. Tetapi kita tidak juga boleh berlelah kerana *perkara bertanggung tak selesai, perkara bertegak tak menjadi*.

Saudara-saudari sekalian,

#### **NEGARA KEBAJIKAN**

Dalam memperkatakan soal Negara Islam, pembangunan seimbang yang boleh membawa kepada **Baldatun Thayyibatun Wa Rabbun Ghafuur**, satu konsep yang tidak boleh terlepas dari pemikiran dan pemerhatian kita ialah konsep Negara Kebajikan. Konsep ini sesungguhnya amat berkait rapat dan boleh dikatakan seerti dengan konsep Negara Islam.

Objektif utama sebuah negara ialah untuk melahirkan satu masyarakat yang berasaskan keadilan, kesaksamaan dan nilai-nilai murni. Brunei sebagai sebuah negara Islam justerunya bertanggungjawab untuk memaparkan syiar kebajikan dan seterusnya melaksanakan tuntutan-tuntutan yang selaras dengan syariat Islam.

Matlamat tertinggi dalam sebuah negara kebajikan Islam ialah untuk mencapai tahap kebajikan yang menyeluruh yang merangkumi setiap orang tanpa diskriminasi. Konsep negara kebajikan mengikut Islam adalah berasaskan kepada manifestasi nilai-nilai ekonomi, moral, kerohanian, sosial dan politik Islam. Apa yang ditekankan oleh Islam ialah satu paduan dan keseimbangan yang harmoni di antara kerohanian dan keduniaan.

Sebuah negara kebajikan Islam hendaklah :

- Pertama: Menjamin kebajikan ke atas rakyat miskin dan fakir, selaras dengan ayat 41 Surah Al-Anfal, ayat 60 Surah At-Taubah dan ayat 7 Surah Al-Hashr.
- Kedua: Menjamin keperluan asasi kehidupan manusia iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal selaras dengan ayat 118-119 Surah Taha. Setiap penduduk di dalam sebuah negara Islam berhak mendapat keperluan asas tersebut. Tetapi jika seseorang tidak berkemampuan untuk menyediakan keperluan asas itu untuk diri dan keluarganya sendiri maka adalah menjadi tanggungjawab negara untuk memenuhi keperluan tersebut
- Ketiga: Merapatkan jurang dan perbezaan di antara golongan kaya dan miskin melalui falsafah ekonomi berasaskan keadilan sosial. Negara Islam menyediakan peluang yang sama rata untuk rakyatnya mendapatkan rezeki. Untuk memastikan agihan kekayaan yang adil dan saksama Islam menegah pemilikan harta yang hanya tertumpu kepada golongan tertentu sahaja selaras dengan peringatan ayat 34-35 Surah At-Taubah dan ayat 7 Surah Al-Hashr.
- Keempat: Mengutamakan hak-hak sosial lebih daripada kekayaan individu. Adalah menjadi tanggungjawab golongan yang berada untuk memenuhi keperluan mereka yang miskin dan fakir sekiranya zakat masih tidak mencukupi selaras dengan ayat 215 Surah Al-Baqarah.
- Kelima: Melindungi orang yang lemah. Adalah menjadi tanggungjawab sebuah negara Islam untuk melindungi orang-orang yang miskin dan tidak berupaya dari di eksploitasi golongan yang kaya dan kuat.
- Keenam: Menyediakan pendidikan dan penjagaan kesihatan secara percuma untuk semua rakyat.
- Ketujuh: Bertanggungjawab memelihara kesucian dan keutuhan kerohanian rakyat dan memastikan mereka dapat menjalani kehidupan selaras dengan ajaran Islam.

**Saudara saudari sekalian,**

Saya percaya sekiranya konsep Negara Kebajikan Islam ini dilaksanakan sepenuhnya, dengan penuh keinsafan dan ketaqwaan, Brunei bukan sahaja mampu untuk duduk sebaris dengan 10 negara teratas di dunia, malah akan menjadi sebuah negara contoh yang dikagumi semua. Kita sebenarnya mampu untuk melaksanakan konsep negara kebajikan ini kerana kita telah dianugerahi Allah dengan kekayaan sumber hasil bumi yang melimpah ruah.

Ada kalangan ilmuan berpendapat bahawa mana-mana negara yang tidak menunaikan tanggungjawab memperdulikan keperluan kebajikan rakyatnya sesungguhnya negara itu telah melakukan satu dosa yang besar, apalagi jika negara tersebut dengan penuh kesedaran mengisytiharkan dirinya sebagai sebuah Negara Islam.

Dalam hubungan ini dan sebagai sebuah peringatan kepada kita semua, izinkan saya memetik sebuah Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud,

*Daripada Ibnu Umar r.a., katanya, saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Setiap orang daripada kamu adalah penggembala dan setiap seorang dari kamu akan ditanya perihal penggembalaannya. Pemimpin adalah penggembala dan akan ditanya perihal penggembalaannya. Seorang lelaki adalah penggembala dalam keluarganya dan akan ditanya perihal penggembalaannya. Seorang wanita adalah penggembala dalam rumah suaminya dan akan ditanya perihal penggembalaannya. Buruh adalah penggembala dalam harta majikannya dan akan ditanya perihal penggembalaannya. Jadi setiap seorang dari engkau semua itu adalah penggembala dan tentu akan ditanya perihal penggembalaannya." (Muttafaq 'alaih)*

**Saudara saudari sekalian,**

## **KEMISKINAN**

Mengikut statistik, Brunei boleh dianggap negara yang kaya kerana mempunyai pendapatan per kapita KDNK hampir BND 48,000 dengan KDNK negara berjumlah BND 15.9 bilion pada akhir RKN8. Dari segi teori dengan pendapatan yang begitu tinggi, soal kemiskinan sepatutnya tidak menjadi isu di negara kita ini.

Soalnya di sini, ialah mengapakah negara Brunei Darussalam masih belum berupaya membebaskan diri dari isu dan permasalahan kemiskinan? Barangkali sistem agihan kekayaan yang lemah dan tidak cekap menyebabkan wujudnya masalah kemiskinan atau mungkin ada faktor-faktor yang lain yang selama ini tidak didedahkan kepada khalayak ramai?

Satu kajian mengenai kemiskinan yang dibuat oleh sebuah institusi pengajian tinggi tempatan antara tahun 2001-2002, telah menunjukkan model-model yang digunakan untuk mengenal pasti kadar asas kemiskinan, *absolute poverty*. Berdasarkan dapatan kajian itu, kadar sara hidup yang dikenalpasti bagi seorang ialah BND 280.00 sebulan.

Dapatan kajian oleh *Centre for Strategic and Policy Studies* (CSPS), pula menunjukkan bahawa warga perkhidmatan awam yang dilantik dalam dalam skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan yang akan bersara pada 2023 dengan sendirinya akan jatuh ke dalam jurang *absolute poverty* dalam jangkamasa tidak sampai setahun selepas bersara. Ini kerana kajian tersebut menunjukkan faedah persaraan yang akan diterima hanya mampu bertahan untuk tempoh 10 bulan sahaja berdasarkan gaya perbelanjaan sekarang dan kos kehidupan yang pastinya meningkat di kala itu.

Sehubungan dengan itu, kita berharap dengan penuh keprihatinan, agar Kerajaan Kebawah DYMM menaikkan peruntukan Elaun Usia Tua BND 250 sebulan kepada BND 400, dan usia penerima diturunkan daripada 60 tahun kepada 56 tahun. Kita juga berharap agar Kerajaan Kebawah DYMM dapat menimbangkan pemberian kurnia khas yang diberikan kepada kaki tangan awam sejumlah BND 200 seterusnya dilaratkan juga kepada kakitangan sektor swasta, dan kakitangan syarikat-syarikat tempatan bagi merangsang belia-belua yang menganggur agar tidak terlalu memilih pekerjaan.

Selaras dengan ini juga kita merayu agar Kerajaan Kebawah DYMM turut mengkaji semula kebajikan kakitangan perkhidmatan awam peringkat rendah dengan memperbaiki skim perkhidmatan dan gaji yang diterima dengan menetapkan kadar gaji minima bagi skim perkhidmatan terendah tidak kurang daripada BND 35.00 sehari dan kenaikan tahunan tidak kurang daripada 10 peratus. Di samping itu, skim-skim perkhidmatan yang lain hendaklah juga dikaji dan ditentukan kadar bayaran minima dan kenaikan tahunan yang lebih munasabah mengikut kelayakan.

NDP juga merayu kiranya Kerajaan Kebawah DYMM mempertimbangkan pemberian elaun makanan bulanan sebanyak BND 200.00 untuk kanak-kanak yang baru lahir sehingga mencecah umur persekolahan formal dan kanak-kanak yang belajar di sekolah formal pula diberikan elaun makanan bulanan sebanyak BND 300.00 sehingga mereka menamatkan persekolahan di peringkat menengah.

Kita yakin melalui perancangan pihak kerajaan yang rapi untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah ini untuk berdikari, Insyaallah, golongan yang tidak bernasib baik ini akhirnya akan bebas dari belenggu kemiskinan dan kebergantungan kepada pihak Kerajaan.

Kita sedar bahawa kemiskinan itu adalah satu masalah universal dan wujud dalam mana-mana masyarakat. Akan tetapi ini tidak bermakna bahawa masalah itu tidak boleh dibendung sama sekali, Insyaallah, kita boleh membendungnya jika ada kesungguhan dan iltizam semua pihak untuk menanganinya dengan penuh keikhlasan. Allah SWT telah melimpahkan kekayaan dan kurnia yang begitu besar, jadi adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mentadbir amanah tersebut dengan penuh bijaksana, adil, berihsan dan saksama.

Mudah-mudahan dengan perancangan rapi pihak-pihak berkenaan untuk mencarai jalan keluar berkekalan mengatasi masalah kemiskinan ini serta bantuan-bantuan kepada yang memerlukan seperti yang disyorkan ini, Insyaallah tekanan kehidupan bagi mereka yang berkenaan akan sedikit sebanyak dapat diringankan.

**Saudara saudari sekalian,**

### **KEUTUHAN BANGSA DAN NEGARA**

Sejarah mengajar kita bahawa keutuhan bangsa dan negara itu tidak hanya dicapai dengan kekuatan tentera dan persenjataan sahaja. Satu contoh klasik ialah perang Vietnam. Dalam perang Vietnam misalnya, kita melihat bagaimana kekuatan tentera Amerika yang menyokong Vietnam Selatan tumpas di tangan gerila Vietcong yang disokong oleh seluruh rakyat Vietnam. Vietnam Selatan tumpas kerana yang berperang di barisan hadapan hanyalah tentera Amerika dan tentera kerajaan tanpa mendapat sokongan rakyatnya. Hal yang sama juga berulang di Afghanistan dan Iraq yang sehingga kini masih belum mencapai keamanan dan kemakmuran yang dicita-citakan.

Sejarah ini memperlihatkan kepada kita, untuk mempertahankan keutuhan wilayah yang menjadi salah satu nilai kebangsaan sesebuah negara yang berdaulat, dan untuk mencapai keamanan dan kemakmuran yang sejati, perpaduan yang kukuh di kalangan rakyatnya amat dituntut di samping kesetiaan yang bulat tumpat terhadap pemerintah.

Tanpa partisipasi seluruh rakyat di dalam bernegara, seperti mempertahankan keutuhan wilayah dan nilai-nilai kebangsaan yang lain, menjaga keamanan dan menyuburkan kemakmuran sejati tidak mungkin kita capai dan dapat pertahankan. Justeru, penglibatan rakyat dalam semua urusan kenegaraan adalah penting lebih-lebih lagi bagi sesebuah negara kecil.

Pada hemat kita, ikatan yang kukuh antara pemerintah dan rakyat itu hanya akan lahir dan tersimpul mati jika sesebuah pemerintahan itu diasaskan kepada keadilan dan kesaksamaan yang membawa bersamanya ihsan, belas kasihan dan kasih sayang dimana sifat-sifat ini sebenarnya adalah menjadi amalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia selama ini.

**Saudara saudari sekalian,  
Sireh pulang ke ganggang**

Diluar sana, masih terdapat lagi beberapa orang rakyat Brunei yang masih berkelana atas sebab-sebab politik. Sehubungan dengan itu, NDP merayu agar kiranya pihak-pihak berkenaan akan dapat mengambil langkah positif ke arah penyatuan sejati seluruh rakyat. Harapan dan rayuan kita ialah **supaya sejumlah rakyat Kebawah DYMM yang masih berada di perantauan atas sebab-sebab politik di zaman penjajahan dahulu diberi keizinan untuk kembali ke tanah air dengan aman** bagi sama-sama menikmati tuah kemerdekaan dan memberikan kesempatan kepada mereka untuk menunaikan tanggung jawab bernegara, bak kata pepatah biduk lalu kiambang bertaut, bak sireh pulang keganggang.

Dalam konteks yang lain, barang kali ada relevannya kalau kita turut berpegang dengan pendekatan dan strategi Istana dalam mempertahankan survival bangsa dan Negara kita yang kecil ini. Prinsip dan pegangan yang dilontarkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal Waqar di dalam bukunya "Remember, Remember The 8<sup>th</sup> of December" iaitu ialah " ....the only way to ensure the survival of a small nation. Negotiation,

reconciliation, compromise and consenses. Diplomacy". (...satu satunya jalan bagi menjamin kelangsusng hidup sebuah negara kecil. Perundingan, reconcilasi (perdamaian), tolak ansur dan maufakat. Diplomasi).

**Saudara saudari sekalian,**  
**JAMINAN SOSIAL**

Kita melihat bahawa jaminan social memerlukan perhatian serius dan segera dari pihak kerajaan. Dalam konteks ini, ada dua isu yang ingin saya sentuh secara khusus iaitu:

**Pertama: Perumahan Rakyat**

Laporan rasmi kerajaan mencatatkan daripada 9,000 unit rumah yang dirancang untuk dibina di bawah RKN8 berakhir tahun 2005, hanya 969 unit sahaja yang telah disiapkan. Penghasilan yang rendah ini dikatakan berkait dengan soal tenaga manusia, perancangan, penyediaan rekabentuk dan pelaksanaan projek serta penyelarasan.

Adalah sesuatu yang tidak membanggakan sesiapa pun jika rakyat terpaksa menunggu selama 15 tahun atau lebih untuk mendapat rumah yang mereka pohonkan. Saya tidak fikir akan ada golongan rakyat yang dahagakan kediaman boleh menerima norma masa 15 tahun itu sebagai satu norma yang munasabah.

Sebagai rakyat, kita sebenarnya tidak berminat dengan alasan kegagalan tersebut tetapi yang kita mahu ialah bagaimana jalan penyelesaiannya. Saya rasa soal pelaksanaan perumahan negara ini bukanlah perkara yang baru. Skim-skim perumahan ini telah dilaksanakan sejak beberapa RKN yang lalu.

Saya percaya dalam pelaksanaan tersebut kita menghadapi masalah yang sama dan justerunya kita sepatutnya sudah lebih bijaksana dan telah mendapat jawapan kepada permasalahan tersebut. Akan tetapi dari kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan baru-baru ini memperlihatkan yang kita masih tidak belajar dari pengalaman yang lalu.

Andainya sistem dan kaedah yang kita praktikkan selama ini terbukti gagal mencapai sasaran sejak lebih 20 tahun lalu, apakah kita akan terus berpegang dengan amalan tersebut?

Tidakkah terfikir untuk kita keluar dari zon selesa dan kotak pemikiran yang jumud untuk meneroka pendekatan baru yang lebih pragmatik?

Pepatah Melayu ada menyebut *kalau hendak seribu daya, kalau tak hendak seribu dalih*. Yang jelas, jika tidak dilakukan satu anjakan paradigma dan perubahan strategi pelaksanaan, sasaran 9,000 unit di bawah RKN9 pastinya tidak akan tercapai, dan kita akan mengulangi sejarah kegagalan yang sama.

Sehingga kini terdapat lebih 43,000 pemohon perumahan, tidak termasuk permohonan lebih 10,000 lot tanah untuk tapak perumahan. Jabatan yang di amanahkan hendaklah memberi perhatian serius kepada perkara ini. Kita tidak mahu melihat Brunei sebagai sebuah negara yang mensasarkan kedudukan 10 tertinggi di dunia dikalangan Negara maju tetapi tidak berupaya menyelesaikan masalah keperluan rakyat yang begitu asasi, yakni perumahan.

Dalam hubungan ini suka saya mengesyorkan, dalam tempoh OSPD pertama, kerajaan bertekad untuk menyelesaikan semua masalah perumahan rakyat yang tertanggung sejak sekian lama. Ini berhajat kepada satu pendekatan dan tindakan yang berani.

#### **Kedua: Keselamatan Permakanan**

Menyentuh isu keselamatan pemakanan, kita perlu mengambil iktibar masalah bekalan beras yang berlaku di beberapa buah negara baru-baru ini. Kemelut bekalan beras telah menjejaskan kestabilan dan menggugat keselamatan beberapa buah negara yang terlalu bergantung dengan beras import yang menjadi makanan asasi rakyat mereka sehingga kerajaan-kerajaan berkenaan terpaksa mengambil tindakan yang paling drastik untuk mengawal keadaan.

Dari peristiwa tersebut kita boleh mengambil iktibar betapa perlu dan mendesaknya **diwujudkan satu dasar keselamatan pemakanan yang kemas dan jitu**. Kita tidak mahu kehidupan rakyat terjejas disebabkan masalah kekurangan bahan makanan terutamanya beras, kerana sebahagian besar dari keperluan ini adalah barangan import.

Kita mungkin boleh mendapat bekalan keperluan asasi dari negara-negara tertentu, tetapi mungkin pada satu masa terpaksa pula membayar dengan harga yang berlipat ganda. Walaupun kita mampu membelinya, bagaimana pula keadaannya jika negara pengeksport mengalami kemerosotan hasil kerana faktor cuaca yang tidak menentu atau politik negara

berkenaan tidak stabil atau negara berkenaan menghadapi tekanan dari negara pro demokrasi supaya menyekat eksport beras ke negara kita?.

Ini pastinya membebankan rakyat. Oleh itu pihak berkenaan hendaklah mewujudkan satu *stockpile* bahan makanan ruji sekurang-kurangnya untuk satu tahun bagi memastikan bekalan yang terjamin pada masa krisis, pada harga yang berpatutan.

Pihak berkenaan juga digesa supaya meningkatkan usaha berlipat ganda membangunkan sektor persawahan dan penanaman rumbia yang merupakan makanan asas kedua penduduk negara ini.

Saya ingin menarik perhatian semua pihak, khasnya kerajaan dan rakyat hendaklah mengambil ingatan di atas amaran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai krisis makanan yang dihadapi dunia pada hari ini dan ancaman kekurangan makanan yang berterusan.

Sebagai sebuah negara Islam, adalah menjadi kewajipan kerajaan memastikan bahawa setiap rakyat mendapat bahan makanan yang mencukupi, berkhasiat dan halal sebagai salah satu keperluan asas kehidupan. Tanggungjawab ini adalah sebahagian daripada tuntutan Islam sama ada semasa aman atau semasa krisis.

Oleh itu adalah tepat sekali titah Kebawah DYMM sempena Persidangan Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Majlis Mesyuarat Negara pada 15 Mac 2006, supaya sektor pertanian dipertingkatkan bagi mengurangkan pergantungan kepada bahan-bahan makanan import. Kita sedar betapa kedaulatan bangsa dan negara boleh tergugat akibat terlalu bergantung kepada negara-negara luar untuk mendapatkan keperluan bekalan makanan asas.

Sehubungan dengan ini, saya juga ingin menarik perhatian semua pihak berhubung dengan kenaikan kos kehidupan terutamanya yang melibatkan barang-barang makanan dan gunaannya asasi rakyat. Kenaikan harga yang mendadak sejak akhir-akhir ini pastinya menjejaskan kualiti kehidupan rakyat biasa, dan sekiranya tidak dibendung dengan segera boleh menggugat kesejahteraan dan kemakmuran yang dinikmati selama ini.

Bagi mengatasi masalah ini **saya menggesa pihak-pihak berkenaan didalam kerajaan supaya mewujudkan satu mekanisma kawalan harga yang berkesan** demi memastikan kualiti kehidupan rakyat terjamin. Segala permasalahan rakyat terutama sekali yang menyentuh keperluan asas, menuntut kepada perhatian dan tindakan yang segera apatah lagi dalam rangka kita menuju kepada Wawasan 2035 yang antara lain mensasarkan kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi.

**Saudara saudari sekalian,**

### **KRISIS TENAGA**

Kalau kita mengikuti perkembangan semasa sama ada yang disiarkan melalui akhbar atau media elektronik, dunia hari ini bukan sahaja menghadapi krisis bahan makanan tetapi juga krisis tenaga yang kritikal yang secara langsung melibatkan peningkatan kos sara diri yang mendadak. Pihak PBB dalam beberapa kenyataan melahirkan kebimbangan yang krisis ini berterusan. Walaupun negara Brunei merupakan pengeluar minyak yang utama, tetapi ini tidak bermakna kita terlepas dari krisis tenaga yang sedang dihadapi oleh dunia.

Kita seharusnya mengambil peringatan yang serius terhadap krisis yang sedang berlaku ini, Justeru kita berpendapat, **bahawa telah sampai masanya semua pihak memikirkan langkah-langkah berjimat cermat jangka pendek dan jangka panjang.** Sebagai contoh, menambah baik sistem dan kualiti pengangkutan awam hendaklah diberikan keutamaan sehingga rakyat cenderung untuk memilih **menaiki kenderaan awam daripada memandu sendiri.** Ini tentunya boleh menjimatkan kos tenaga pengguna.

Para pembesar juga boleh menunjukkan contoh yang baik dengan **melaksanakan konsep kongsi kereta (car pooling), apabila menghadiri sesuatu majlis rasmi atau membuat lawatan ke daerah-daerah atau kampung-kampung.** Hal ini bukanlah suatu yang pelik atau asing, malah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri telah menunjukkan contoh atau mengirimi isyarat dimana ketika Baginda menghadiri majlis rasmi, Baginda sering bersama ahli keluarga Baginda didalam satu atau dua kenderaan sahaja.

Saudara saudari sekalian,

## **CABARAN TERHADAP ISLAM**

Setelah perasaan umat Islam diguris dengan penghinaan terhadap Nabi Muhammad SAW, sekali lagi maruah umat Islam dicabar melalui filem 'Fitna'. Kita percaya penghinaan terhadap Islam seperti ini akan berterusan andainya 'Islamophobia' yang sedang melanda masyarakat di barat tidak ditangani dengan bijaksana. Sebagai sebuah negara Islam, **Brunei Darussalam hendaklah sentiasa berada di saf pertama untuk menghadapi apa jua cabaran dan penghinaan yang terbit disebabkan salah faham terhadap Islam.**

Dalam hubungan ini, **Brunei Darussalam juga hendaklah mengambil daya usaha bagi mewujudkan satu dialog dan pertemuan berterusan di antara pemikir-pemikir Islam dan bukan Islam** bagi mengendurkan ketegangan yang wujud dan seterusnya mencari titik-titik pertemuan dan persefahaman.

Untuk melaksanakan peranan ini Brunei hendaklah menunjukkan keupayaan dan kredibilitinya yang boleh diterima oleh masyarakat antarabangsa. Kita tidak mampu menjalankan peranan yang berkesan andainya kita dianggap tidak mempunyai kewibawaan untuk bercakap sebagai model dan wakil pemikiran masyarakat Islam. Perkara ini perlu diusahakan dengan penuh kesesungguhan demi membuktikan bahawa Brunei adalah sebuah negara Islam yang sejati yang cintakan keamanan dan bukannya pada nama sahaja.

Untuk membolehkan Brunei diterima sebagai sebuah negara model yang mempunyai kewibawaan dan kredibiliti, segala aspek kenegaraan, politik, pembangunan, ekonomi dan pendidikan hendaklah memperlihatkan kesyumulan Islam yang nyata. Apabila Brunei telah mencapai tahap sebuah negara yang maju dengan membawa bersamanya ciri-ciri yang saya sebutkan itu, saya percaya kita akan mampu memainkan peranan yang aktif dan berkesan sebagai suara dan pembela Islam di peringkat serantau dan antarabangsa.

Saudara saudari sekalian,

## **HUBUNGAN SERANTAU DAN ANTARABANGSA**

Selari dengan apa yang telah saya sebutkan sebentar tadi, saya yakin, adalah menjadi harapan Negara Brunei Darussalam dan rakyat negara ini untuk melihat kedamaian yang

berkekalan di Selatan Filipina. Sebagai sebuah negara jiran yang rapat dan justeru pula kita mempunyai hubungan sejarah sejak 600 tahun dahulu, maka kita bertanggungjawab untuk memainkan peranan dalam meneruskan proses perdamaian di wilayah itu, dan jika perlu menjadi negara penaja dalam rundingan-rundingan perdamaian antara MILF dan GRP tersebut.

**Keputusan kerajaan Malaysia menarik keluar anggota pasukan pengaman dari wilayah Selatan Filipina hendaklah dilihat sebagai peluang kepada Negara Brunei Darussalam untuk memperlihatkan kewibawaan dan kemampuannya mengambil alih peranan Malaysia sebagai peneraju proses perdamaian dan mengisi kekosongan tersebut.**

Dalam konteks ASEAN pula, kita berpendirian menolak sebarang campur tangan kuasa-kuasa besar dalam hal ehwal Myanmar. Kita yakin anggota-anggota ASEAN mampu menangani kegawatan politik Myanmar melalui pendekatan *constructive engagement* yang digunapakai pada masa ini.

Dalam kerangka sebagai sebuah negara Islam, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada OIC supaya mengambil peranan lebih proaktif dalam menyelesaikan krisis di Palestin. Badan tersebut seharusnya lebih tegas dalam menggesa Israel supaya menamatkan kezaliman mereka terhadap penduduk Palestin dan berundur sepenuhnya daripada wilayah-wilayah yang ditakluki selepas 1967.

Dalam hubungan ini, NDP menggesa mana-mana negara kuasa besar yang menduduki negara-negara umat Islam hendaklah berundur sepenuhnya dan mengembalikan hak kepada rakyat negara berkenaan untuk mentadbir dan menentukan halatuju negara masing-masing selaras dengan prinsip demokrasi yang mereka agung-agungkan. Gesaan ini kita tujukan khusus kepada kuasa-kuasa asing yang menduduki Iraq dan Afghanistan. Kuasa-kuasa tersebut harus sedar bahawa kehadiran mereka adalah nyata ditolak oleh majoriti rakyat negara-negara berkenaan.

Ingin saya tegaskan pendirian NDP bahawa semua negara, kecil mahupun besar, mempunyai tanggung jawab untuk mengurus hal ehwal politik dan pentadbiran negara masing-masing tanpa campur tangan atau apa saja bentuk tekanan luar. Hak ini hendaklah dihormati oleh semua negara yang cintakan keamanan dan kedamaian

**Saudara saudari sekalian,**

Saya telah merungkaikan sedikit sebanyak persoalan yang menjadi cabaran, kebimbangan, dan harapan rakyat peringkat akar umbi serta keutamaan agenda perjuangan kita. Semua ini hendaklah kita lihat dengan penuh keprihatinan, justeru kita tanailah amanah negara ini dan bantulah Kebawah DYMM dan Kerajaan Baginda untuk mengurai segala kekusutan demi masa depan Negara dan generasi mendatang kerana Allah SWT jua.

Perkukuhkanlah NDP semoga ianya dapat kita persembahkan sebagai aras politik atau *power-base* Kebawah DYMM, semoga dengannya boleh menjadi suntikan keramat kepada Baginda untuk memacu Negara tercinta ini ke arah negara maju, yang aman makmur dan mendapat keampunan Allah SWT.

**Saudara saudari sekalian,**

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sukacita saya mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Anakanda Setiausaha Agung dan warga Jabatan Setiausaha Agung yang telah melaksanakan tugas-tugas pentadbiran NDP Pusat dan kerja-kerja kesetiausahaan dan juga setinggi-tinggi tahniah kepada Panitia Kongres Ketiga Parti Pembangunan Bangsa dan seluruh warga kerjanya kerana berjaya mengendalikan Kongres ini dengan tertib dan lancar.

Saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim merasmikan Kongres Agung Ke-3 Parti Pembangunan Bangsa pada pagi ini. Dan demi mendapat keberkatan Allah SWT, marilah kita bersama-sama membaca Surah Al-Fatihah: AL-FATIHAH

Selamat bersidang.

**ALLAHUAKBAR ! ALLAHUAKBAR ! ALLAHUAKBAR !**